

24/07/1999

Kamaruddin ada strategi sendiri

Veena Rusli

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya kemasukan bekas Ketua Umno Bahagian Tumpat, Datuk Kamaruddin Jaafar, ke dalam Pas diiringi niat ingin menarik pengaruh pihak lain, termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) menyertai parti itu.

Perdana Menteri berkata, strategi itu pernah dilakukan oleh bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang cuba memperjuangkan pendapat sendiri, sebaik dibawa masuk menyertai Umno.

"Saya khuatir dengan orang macam ini (Kamaruddin). Dia masuk (Pas) dengan niat yang lain. Apabila saya terima Anwar masuk Umno, saya percaya dia akan menerap nilai dan hasrat Umno tapi nampaknya dia bawa pendapat lain. Dia nak tawan Umno dari dalam.

"Jadi, mungkin strategi ini ada juga pada orang seperti Kamaruddin. Baguslah kalau dia boleh buat macam tu pada Pas, kita tiada masalah," katanya dalam sidang akhbar selepas menemui Badan Perhubungan Umno negeri di Hotel Daimond Puteri di sini, hari ini.

Kamaruddin yang juga Pengerusi Institusi Kajian Dasar (IKD) dipecat daripada Umno pada 5 Julai lalu selepas Majlis Tertinggi (MT) mendapati beliau terbabit dalam membantu gerakan parti pembangkang.

Selasa lalu, beliau mengisytiharkan menyertai Pas dalam majlis ceramah yang turut dihadiri Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor.

Tindakan Kamaruddin itu dianggap tamparan hebat kepada Parti Keadilan Nasional (Keadilan) kerana umum meramalkan beliau akan menyertai parti pimpinan Datin Seri Wan Azizah Ismail itu, berdasarkan hubungan baiknya dengan Anwar.

Ditanya dakwaan Harakah bahawa Tengku Razaleigh akan digunakan Dr Mahathir sebagai benteng untuk menyelamatkannya pada pilihan raya umum akan datang, Perdana Menteri berkata, ia adalah semua pemikiran buruk yang terus mengganggu Pas.

"Secara ikhlas, kami rasa yang paling utama ialah memastikan kemenangan BN di Kelantan.

"Bukan untuk Ku Li atau saya menang. Kalau saya menang, BN kalah, tak guna jugak. Kita nak BN menang dan disebabkan itu, macam saya kata semalam, kami berpendapat perasaan peribadi adalah tidak relevan.

"Yang penting BN...itu saja sebab mengapa saya lantik Ku Li ambil alih. Saya sibuk, takda masa nak beri tumpuan penuh. Kelantan memerlukan seseorang yang perlu ada di sini sepanjang masa. Dia boleh buat begitu," katanya.

Beliau berkata, orang baca apa yang mereka suka kerana mereka yang mempunyai pemikiran songsang tidak boleh menerima kenyataan.

Mengenai tuduhan Pas kononnya beliau mahu mengaut kekayaan Kelantan, Dr Mahathir meminta presiden parti itu, Datuk Fadzil Noor, mengemukakan bukti.

"Suruh dia (Fadzil) bagi bukti kata saya ambil apa pun. Harta saya pun saya bagi kerajaan. Orang hadiahkan saya berpuluh kereta, semua saya serah pada kerajaan.

"Kalau pergi tengok di Galeri (Perdana) di Langkawi, semua barang yang orang bagi termasuk barang kemas, saya bagi kepada kerajaan kerana ia adalah pemberian untuk kerajaan, saya tak anggap peribadi," katanya.

Ketika berceramah di Tanjung Kuala, Tumpat pada malam Selasa lalu, Fadzil mendakwa Dr Mahathir bersungguh-sungguh mahukan Barisan Nasional

(BN) menawan Kelantan kerana ingin mengaut kekayaan di negeri ini.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak pernah merungut kerana tidak menikmati sesen pun wang pencen sebagai kakitangan kerajaan walaupun sudah berusia 74 tahun, berbanding mereka menerima ganjaran itu sebaik mencecah usia 55 tahun atau pencen kedua bagi yang berkhidmat sehingga berumur 65 tahun.

Perdana Menteri berkata, gajinya RM16,000 sebulan juga adalah rendah jika dibanding golongan berjawatan tinggi berkhidmat di bawahnya menerima RM30,000 hingga RM40,000 sebulan.

"Saya tidak pernah merungut. Saya tak pernah cerita hal ini pada orang, hari ni baru saya cerita... itu pun sebab ada orang kata saya ambil harta.

"Saya pakai kereta Proton, saya tak pakai Mercedes. Saya biasa menghadiri majlis rasmi menaiki Perodua (kerana) bagi saya ini lebih besar daripada Mercedes... ini (kereta) buatan kita," katanya.

Dr Mahathir juga menegaskan, beliau tidak perlu menolong anak-anaknya mengumpul harta, sebaliknya memadai membekalkan mereka dengan pelajaran seperti mana dilakukan oleh bapanya satu ketika dulu.

Pada masa sama, katanya, beliau juga tidak boleh memaksa anak-anaknya hidup dalam kemiskinan dan menjadi mangsa keadaan semata-mata untuk menjaga popularitinya sebagai Perdana Menteri.

"Bapa saya beri saya pelajaran, dengan itu saya boleh jadi doktor dan ahli politik... boleh berjaya. Itu saja yang dia bagi, saya tak dapat harta.

"Jadi, saya tidak perlu menolong anak-anak saya kerana mereka tahu bagaimana untuk berniaga... dia bukan bodoh sangat, dia tahu. Apa mereka lakukan adalah urusan mereka.

"Begitupun, saya tidak tergamak memaksa anak saya hidup miskin. Kalau anak orang lain boleh kaya jika pandai berusaha, biarlah anak saya usaha sendiri," katanya.

(END)